



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 7 | September 2020 - Safar 1442H

Hasad الحَسَد

Penyakit Hati Yang Menghapus Amal Kebajikan

Allah SWT mengarahkan agar kita meminta perlindungan dari Allah SWT dari kejahatan sifat hasad dengki seperti dalam Surah al-Falaq ayat 5.

DEFINISI

Hasad membawa erti dengki, cemburu (disertai niat jahat) atau kedengkian, kecemburuan kepada seseorang.

Imam al-Nawawi menjelaskan pengertian hasad iaitu mengharapkan hilangnya nikmat daripada seseorang sama ada nikmat agama atau dunia.

KESAN BURUK HASAD

- ✓ Merosakkan hubungan sesama manusia sehingga boleh memutuskan ikatan silaturrahim

IKTIBAR DARI QABIL DAN HABIL

Hakikatnya penyakit hasad dengki ini telah wujud sejak zaman awal kewujudan manusia. Ini dapat dilihat melalui ayat-ayat suci al-Quran bahawa Allah SWT merakamkan dalam Surah al-Maidah ayat 27.

Kisah antara dua beradik iaitu Qabil dan Habil yang berhasad dengki sehingga membawa kepada pembunuhan memberi satu pengajaran yang amat besar bagi kita untuk memahami bahawa penyakit hasad dengki ini jika tidak dibendung boleh membawa kepada kemudaratan yang membawa kepada dosa besar.

Hasad Yang Dibenarkan

Perasaan hasad dengki itu dilarang kecuali pada dua perkara :

1. Dengki terhadap seseorang yang dikurniakan ilmu tentang al-Qur'an dan dia membacanya sepanjang malam dan siang
2. Dengki terhadap seseorang yang dikurniakan harta dan dia menginfakkannya sepanjang malam dan siang.

Doa Menghindari Sifat Hasad

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

"Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu".

[al-Hasyr : 10]

#UCSberadab | #UHEIprihatin

